

City International Hospital siap akhir 2012

CITY International Hospital yang diuruskan Ireka Development Management Sdn Bhd, anak syarikat Ireka Corp Bhd, dijadual siap menjelang akhir 2012.

"Selaras dengan pertumbuhan ekonomi, penjagaan kesihatan sosial adalah antara keutamaan kami di Vietnam."

"Berdasarkan permintaan yang semakin meningkat untuk rawatan perubatan berkualiti di luar negara, projek itu adalah pembangunan penjagaan kesihatan bersepadu pertama di Vietnam, yang akan menyediakan persekitaran penjagaan kesihatan menyeluruh menerusi perkhidmatan, peralatan perubatan berteknologi tinggi sehinggalah kepada petugas perubatan profesional," kata Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Lai Voon Hon

dalam satu kenyataan semalam.

Hospital itu ialah hospital awan pertama disiapkan di "Medical City" di hab perubatan terbesar Vietnam, Taman Penjagaan Kesihatan Teknologi Tinggi Antarabangsa.

Hospital itu yang dibangunkan oleh Hoa Lam-Shangri-La Healthcare Ltd Liability Company, akan dilengkapkan dengan kemudahan lain seperti makmal, sut perubatan, kawasan kediaman petugas, pusat pameran perubatan, pusat membeli-belah, pangaspuri perkhidmatan, sekolah antarabangsa dan rumah kelab residen.

Syarikat sekutu Ireka, Aseana Properties Ltd, menguasai kepentingan majoriti dalam Hoa Lam-Shangri-La Healthcare Ltd Liability Company. Hospital itu kini sudah 50 peratus siap. -BERNAMA



Berdasarkan permintaan yang semakin meningkat untuk rawatan perubatan berkualiti di luar negara, projek itu adalah pembangunan penjagaan kesihatan bersepadu pertama di Vietnam



Lai Voon Hon

Presiden dan Ketua Eksekutif
Ireka Corp Bhd